

## Persepsi Orang Awam dan Profesional terhadap Imej Visual Bandar Putrajaya

(Perceptions of Public and Professional on Visual Image of Putrajaya City)

Fazlena Abd. Rahim<sup>1\*</sup> & Mohamed Mohamed Tolba Said<sup>2</sup>

<sup>1</sup> *Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Universiti Putra Malaysia (UPM), Malaysia.*

<sup>2</sup> *Kuliyah of Education, International Islamic University Malaysia (IIUM), Malaysia.*

\*Corresponding author: fazlena@ppj.gov.my

Received 4 July 2018, Received in revised form 10 April 2019

Accepted 14 Mei 2020, Available online 30 May 2020

### ABSTRAK

*Putrajaya merupakan pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan yang mana di awal pembangunannya telah dirancang sebagai bandar Islamik. Objektif kajian ini adalah menganalisis imej visual persekitaran alam bina yang memberikan identiti kepada Putrajaya menerusi persepsi orang awam dan profesional. Modernisasi dan kurang jelas tafsiran seni bina Islamik telah mewujudkan krisis identiti dalam gaya seni bina, kekeliruan identiti dan menjejaskan identiti reka bentuk bandar Islamik. Kajian ini menggunakan metodologi campuran kuantitatif dan kualitatif. Kajian soal selidik terhadap lebih kurang 500 orang awam dan temu bual bergambar terhadap lebih kurang 100 orang profesional dalam bidang alam bina telah dijalankan untuk menganalisis imej visual identiti Putrajaya. Hasil kajian mendapati reka bentuk bandar Putrajaya mempunyai nilai estetik yang tinggi dan budaya Islam melalui ciri Islamik Timur Tengah bagi merealisasi penerapannya sebagai bandar Islamik. Bagaimanapun, gaya moden yang mendominasi, campuran dan kepelbagaian serta kurangnya identiti tempatan mewujudkan identiti yang kurang jelas dan budaya tersendiri yang lemah. Penemuan kajian ini boleh dimanfaatkan untuk memperkasakan imej visual bandar Putrajaya yang jelas sebagai bandar Islamik yang mempunyai identiti tempatan dan tersendiri untuk meningkatkan daya tarikan kepada pengguna bandar.*

*Kata kunci: bandar Islamik, reka bentuk bandar Islamik, imej visual, identiti, persepsi, orang awam, profesional*

### ABSTRACT

*Putrajaya is the federal government's administrative center which at the beginning of its development was planned as an Islamic city. The objective of this study is to analyze the visual images of the built environment that give the identity of Putrajaya based on public and professional perceptions. Modernization and lack of understanding of the interpretation of Islamic architecture has resulted in an identity crisis in the architectural style, misleading identity and affected the identity of the Islamic city. This study adopts both quantitative and qualitative methods. A questionnaire survey involving 500 civilians and photo-base method interviews with 100 professionals in the field of built environment was conducted to analyze the identity and the visual image of Putrajaya. The findings show that Putrajaya's urban design has a high aesthetic value and Islamic culture through the Islamic Middle East features to realize its application as an Islamic city. However, the style of modern that dominates, mixture, diversity and lack of local identity creates a misleading and a weak of cultural identity. The findings of this study can be utilized to strengthen the visual image of Putrajaya city as an Islamic city with its own local identity and identity to increase attractiveness to urban users.*

*Key words: Islamic city, Islamic urban design, visual image, identity, public perception, professional perception*

### PENGENALAN

Menurut Putrajaya Holdings (2003) dalam bukunya bertajuk "Pembinaan Putrajaya, Perspektif Pemaju: 1995–2002, bahawa Putrajaya telah dirancang sebagai bandar Islamik yang menjalin hubungan harmoni antara pencipta, manusia dan alam semesta. Namun, sejauh manakah penerapan susun atur

bandar berdasarkan prinsip Islamik di Putrajaya? dan apakah ciri sebenar bandar Islamik menurut perspektif Islam? Berdasarkan pemerhatian, reka bentuk bandar berciri Islamik Timur Tengah telah diterapkan pada fasad bangunan dan landskapnya. Namun, ia turut mengintegrasikan ideologi reka bentuk barat iaitu 'Bandar dalam Taman' (*Garden City*) (AJM Planning & Urban Design Group, 2012).

Kajian ini bertujuan mengkaji bagaimana persepsi masyarakat terhadap imej yang dipamerkan di ruang bandar awam Putrajaya, yang beridentiti Islamik. Objektif kajian ini adalah menganalisis imej visual persekitaran alam bina yang memberikan identiti kepada Putrajaya menerusi persepsi orang awam dan profesional.

Sejak awal abad ke-20, tradisi reka bentuk alam bina di bandar Islam yang stabil telah dipengaruhi oleh kemodenan dan kapitalisme yang mewujudkan krisis identiti dalam gaya seni bina (Al-Lahham, 2014). Meminjam elemen daripada budaya lain adalah satu fenomena global (Salama, 2014). Hasan Fathy menyatakan kebanyakan universiti sekarang tidak memberikan pendidikan tentang pelbagai gaya seni bina dari awal sejarah hingga kini. Oleh itu, arkitek sering menukar dan meniru gaya seni bina bangunan bersejarah (Salama, 2014; Al Sayyed, 2012) tanpa memahami kualiti imej, makna dan nilai yang terkandung (Salama, 2014; Sidawi, 2013).

Kurang jelas tafsiran seni bina Islamik ini mewujudkan kecelaruan identiti. Contohnya gaya seni bina bangunan yang menggabungkan pelbagai identiti. Menurut kajian Tran (2010), konsep percampuran identiti terhadap bangunan bernilai sejarah dan budaya mewujudkan identiti seni bina yang tidak ketara, tidak stabil, lemah, tiada keunikan, imej yang kabur atau tidak jelas dan ilusi alam bina yang mengelirukan. Contohnya, bangunan Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya. Antaranya bumbung meniru bumbung seni bina Melayu (PJH, 2001), kubah dan *arch* menonjolkan gaya Islamik Timur Tengah, manakala fasadnya meniru gaya seni bina Rom (Mohidin et al., 2012). Selain kecelaruan, ia dilihat tiada identiti tersendiri yang melambangkan identiti nasional (Utberta & Rasdi, 2013).

Kajian ini juga melengkapkan kajian lepas. Sesetengah kajian mengkaji imej bandar di ruang awam, tetapi jarang melihat budaya dalam kehidupan seharian dan lokasinya di bandar. (Huetz et al., 2018). Contohnya kajian Lynch (1960) terhadap elemen mercu tanda dan tempat tumpuan dalam menganalisis kejelasan imej bandar kurang megaitkan kedua elemen tersebut dengan faktor budaya tetapi lebih kepada elemen yang menarik perhatian dan mempunyai identiti berbeza.

Kajian Lynch ini telah diadaptasi oleh Ismail et al., (2008) dalam menganalisis identiti Putrajaya melalui kejelasan elemen struktur bandarnya menerusi persepsi masyarakat. Kajian mereka juga tidak mengaitkan mercu tanda dan tempat tumpuan dengan identiti budaya sebagai faktor kejelasan imej yang memberikan identiti bandar. Identiti budaya

sepatutnya merupakan faktor utama yang mempengaruhi penampilan identiti sesebuah bandar kerana ia melambangkan identiti bangsa. Oleh itu, artikel ini menilai aspek tersebut menerusi persepsi orang awam dan profesional.

Dalam konteks alam bina, Mohidin et al., (2012) membincangkan tentang gaya seni bina bangunan pentadbiran di Malaysia termasuk Putrajaya. Begitu juga Zen (2005) mengkaji seni bina dan reka bentuk bandar berciri Islamik di Putrajaya yang telah dipengaruhi oleh reka bentuk asing. Bagaimanapun kajian mereka tidak melibatkan kesan kepelbagaian gaya seni bina terhadap pengguna.

Menurut kajian (Ismail & Zhaharin, 2017), bangunan adalah simbol kebudayaan manusia yang boleh menjelaskan sosial, politik dan idea masyarakat dan negara sendiri. Oleh itu, kajian ini penting untuk dikaji kerana imej dan identiti bandar melambangkan identiti bangsa dan keunikan sesebuah bandar itu. Seni bina juga boleh melambangkan ideologi politik pemerintah, sebagai simbol kuasa yang ditonjolkan oleh bentuk elemen binaan (Ismail & Zhaharin, 2017).

Imej ruang bandar memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian kerana ia menyatakan makna kontroversial dan hubungan kekuasaan. Ia menyumbang untuk membentuk suatu wawasan tertentu dunia (Huetz et al., 2018). Penampilan fizikal dan visual seni bina juga membolehkan pengguna menggunakan deria fizikal untuk mengenali fungsi seni bina (Venturi & Brown 2004). Seni bina adalah bentuk tanda atau simbol yang boleh menyampaikan mesej, apabila ia disertai dengan makna (Ismail & Zhaharin, 2017). Oleh itu kajian ini perlu untuk mengelakkan kecelaruan imej bandar disebabkan para arkitek dan perancang bandar tidak memahami adakah imej yang dipaparkan memberi kesan estetik dan fungsi yang efektif kepada orang awam yang menggunakannya.

Kajian ini juga penting untuk menilai sejauh mana imej visual identiti menyumbang kepada persekitaran yang unik dan beridentiti tulin. Oleh itu, kajian ini perlu untuk membangunkan garis panduan perancangan dan reka bentuk bandar yang mempunyai identiti dan nilai estetik berdasarkan prinsip Islam.

## SOROTAN KESUSASTERAAAN

### Ciri Bandar Islamik Menurut Perspektif Islam

Reka bentuk bandar Islamik ditakrifkan sebagai reka bentuk bandar yang harmoni dengan peraturan alam dan sejagat (*universal*), mencerminkan identiti,

budaya dan tamadun Islam untuk memenuhi keperluan metafizikal, spiritual, material, sosio-ekonomi dan budaya komunitinya. Fungsi adalah peranan utamanya berbanding nilai estetikanya (Saoud, 2002; El Diwani, 2005; Omer, 2010; Ahmed, 2014). Prinsip reka bentuk bandar Islamik berpandukan Al Quran dan Hadis (Ben-Hamouche, 2011; Isa, 2011; Omer, 2012; Jamalinezhad, Talakesh & Soltani, 2012; Al-Lahham, 2014) Prinsip reka bentuk bandar tradisional Islamik adalah pemusatan dan penyatuan bangunan keagamaan, pentadbiran, komersial dan kemudahan awam kecuali kawasan kediaman ditempatkan di pinggir bandar. Prinsip ini bertujuan menyediakan kemudahan masyarakat yang seimbang dan akses yang mudah, (Brunn, Williams & Zeigler, 2003; Clark, 2004; Tibbalds, 2006; Ewing & Handy, 2009; Stanley, Stark, Johnston & Smith, 2012) imej yang jelas dan mudah difahami (Omer, 2007; Abu Lughod, 2013) dan mengelak masalah sosial (Diab, 2010; Khaled, 2012; Al Kawthari, 2014). Ini bermakna, Putrajaya perlu menerapkan prinsip perancangan bandar Islamik yang menyediakan kemudahan awam yang seimbang dalam bandarnya dan identiti Nusantara sebagai identiti tempatan yang melambangkan budaya komunitinya disamping teknologi moden kerana ia merupakan sebuah bandar kontemporari yang juga mengutamakan penampilan kemajuan.

### METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah campuran (*mixed methods*) melibatkan data kualitatif daripada pemerhatian lapangan dan temu bual terhadap profesional. Manakala data kuantitatif adalah menerusi kajian soal selidik (*questionnaire survey*) terhadap orang awam di Putrajaya.

Data temu bual bergambar adalah untuk menganalisis imej visual identiti Putrajaya berdasarkan maklum balas profesional. Data kajian soal selidik juga adalah untuk menganalisis isu yang sama berdasarkan persepsi orang awam.

Menurut kajian McDaniel (2006), tujuan kaedah campuran penyelidikan digunakan antaranya adalah untuk menguatkan dan mengurangkan kelemahan kedua pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Ini kerana ia boleh menjelaskan sumber data yang lain disebabkan reka bentuk, prosedur pengumpulan data

dan teknik analisis datanya bergantung kepada visual seperti diagram, bentuk dan sebagainya sebagai alat komunikasi grafik untuk memudahkan penerangan dan gambaran terhadap elemen yang dianalisis (Tashakkori & Teddlie, 2010). Contohnya, data temu bual profesional dapat menguatkan dan menjelaskan lagi pendapat orang awam melalui kajian soal selidik mengenai imej visual identiti Putrajaya.

### Kaedah Temu Bual Menggunakan Gambar

Temu bual dikendalikan bermula dari 1 Disember 2016 hingga 16 Februari 2017. Kaedah temu bual adalah separa-struktur (*semi-structured interview*) menggunakan gambar. Kaedah ini menggunakan sampel kumpulan profesional dalam bidang alam bina. Kategori profesional dinilai berdasarkan tahap pendidikan yang bermula daripada Ijazah Sarjana Muda hingga Doktor Falsafah PhD. Jumlah sampel kaedah temu bual bergambar diambil berdasarkan jumlah populasi profesional dari sektor kerajaan dan swasta yang mempunyai perkaitan dengan pembinaan Putrajaya, seperti pernah bekerja di Putrajaya atau sebagainya dimana sektor swasta berjumlah lebih kurang 30 orang dan sektor kerajaan berjumlah lebih kurang 25 orang. Oleh itu jumlah keseluruhan adalah 55 orang. Bagaimanapun, ia dinaikkan sebanyak lebih kurang 100 orang berdasarkan anggaran jumlah responden yang lebih banyak boleh diperolehi menerusi emel atau online. Soalan temu bual menggunakan gambar terdiri daripada soalan soalan terbuka (*open-ended*). Soalan dibuat dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Temu bual dilakukan secara perjumpaan termasuk secara emel dan *online*. Soalan temu bual disediakan dengan disertakan gambar foto ruang awam Islamik di Putrajaya yang dicetak di atas kertas dan ditunjukkan kepada responden seperti rajah 1-3.

Pendapat dan maklum balas profesional akan direkod melalui telefon bimbit *android* dengan kebenaran peserta. Kaedah temu bual yang direkod ini diadaptasi daripada kajian (Rojak & Cole, 2016; Stedman et al., 2004). Rakaman ini boleh digunakan semula sekiranya peserta memerlukannya, (Stedman et al., 2004) selain sebagai bukti kajian.


Kaedah temu bual menggunakan gambar adalah laporan tambahan untuk menyokong dan menambah maklumat ke atas data kaji selidik (Rojak & Cole, 2016). Kaedah menggunakan gambar ini digunakan untuk mendapatkan persepsi pengunjung terhadap imej perbandaran Islamik. Manakala proses temu bual dapat mendedahkan niat penyelidik (Stedman et al., 2004).



Rajah 1 : Mahkamah, Presint 3, Putrajaya



Rajah 2: JAKIM Presint 3, Putrajaya



Rajah 3: Astaka Morocco Presint 1, Putrajaya

### Kajian Soal Selidik

Proses pengumpulan data ini mengambil masa selama dua bulan bermula dari 22 Disember 2016 hingga 28 Februari 2017. Menurut De Vaus (1985), adalah sukar untuk menentukan jumlah populasi pengunjung yang menggunakan atau melawat sesuatu kawasan ruang awam. Oleh itu pendekatan penentuan saiz sampel tidak berdasarkan populasi penduduk Putrajaya tetapi menggunakan formula jadual pengiraan De Vaus (1985). Ini kerana, pemaklum balas merangkumi orang awam yang bukan sahaja terdiri daripada penduduk Putrajaya, tetapi juga penjawat awam, swasta, dan pelawat. Ia adalah berdasarkan kepada ralat pensampelan 5.5% pada 95% tahap keyakinan dan sub-kumpulan paling kecil perlu mempunyai sekurang-kurangnya 50-100 kes (De Vaus, 1985). Jumlah sampel adalah sebanyak 330 orang. Bagaimanapun, ia dinaikkan sebanyak 500 berdasarkan anggaran jumlah responden yang lebih banyak boleh diperolehi

menerusi emel atau online. Pengiraan ini adalah seperti jadual 1 yang menunjukkan saiz sampel yang diperlukan untuk pelbagai sampel pada 95% tahap keyakinan.

Soalan kaji selidik mengandungi soalan tertutup (*close ended*) dan soalan terbuka (*open ended*). Soalan tertutup menyediakan 5 skala jawapan iaitu (1) Sangat Tidak Setuju (2), Tidak Setuju (3), Tidak Pasti (4), Setuju, (5) Sangat Setuju. (Creswell, 2014; Boone Jr, & Boone, 2012). Pengumpulan data kaji selidik dilakukan melalui emel, *online* dan perjumpaan. Kaedah pengumpulan data secara *online* bagi kajian soal selidik ini diadaptasi daripada Rojak & Cole (2016) oleh penulis. Soalan kajian online dibina di dalam internet menggunakan *google drive* dan link soalan akan diberi kepada responden melalui emel. Borang kajian soal selidik dibuat dalam bahasa Malaysia.

### PENEMUAN DAN PERBINCANGAN

#### Penyertaan Orang Awam dalam Kajian Soal Selidik

Penyertaan orang awam dalam kajian soal selidik melibatkan 486 responden, majoriti adalah warganegara Malaysia (99.6%), manakala 0.4% bukan warganegara. Responden yang tinggal di luar Putrajaya (50.4%) lebih ramai berbanding di Putrajaya (49.6%). Responden perempuan (62.2%) lebih ramai berbanding lelaki (37.8%). Responden berkahwin lebih ramai (75.5%) berbanding bujang (24.5%). Kategori umur responden paling ramai adalah 30-41 (64.1%) diikuti 42 ke atas (22.4%) dan 18-29 (13.6%). Responden berbangsa Melayu paling ramai (98.1%) diikuti bangsa lain (1.2%), India (1%) dan Cina (0.8%). Majoriti responden berpendidikan ijazah (45.6%), diikuti Diploma (20.3%), Master dan keatas (19.9%), SPM (8.6%) dan paling kurang adalah Sijil/STPM (5.5%). Majoriti responden adalah penjawat awam (77.2%), diikuti pelawat (2.5%), pekerja swasta (0.8%), pelajar (0.6%) dan peniaga (0.2%). Kebanyakan penglibatan responden dengan Putrajaya adalah selama 6-10 tahun (46.7%), diikuti 1-5 tahun (24.9%), > 15 dari tahun (23.7%) dan < dari 1 tahun (4.5%). Ia juga menunjukkan tahap kebiasaan kebanyakan responden dengan Putrajaya adalah biasa (59.5%) diikuti sangat biasa (34.9%) dan tidak biasa hanya 5.5%.

#### Penyertaan Profesional dalam Temu Bual Bergambar

Penyertaan profesional dalam kajian temu bual bergambar adalah bertujuan untuk memperoleh lebih maklumat berdasarkan pengetahuan dan pengalaman mereka sebagai profesional dalam bidang alam bina dan gabungan data orang awam dan profesional, disamping dapat mengenal pasti sejauh mana pengetahuan mereka terhadap alam bina Islamik. Sumber data profesional juga dapat membezakan perancangan dengan sumber data orang awam. Oleh itu kajian ini bertujuan mendedahkan penjelasan sebenar kumpulan profesional dengan lebih terperinci dan lengkap. Daripada 119 responden, majoriti adalah warganegara Malaysia (99.6%), manakala 3.4% bukan warganegara (Iran, Indonesia, Sudan). Responden yang tinggal di luar Putrajaya (90.9%) lebih ramai berbanding di Putrajaya (9%). Responden lelaki (55.3%) lebih ramai berbanding

#### Imej Visual Persekitaran Putrajaya

Skala penilaian 419 orang awam menerusi soalan terbuka (*open ended*) terhadap imej visual persekitaran bandar Putrajaya dalam kadar peratusan menunjukkan, Putrajaya lebih menampilkan imej visual positif (97.6) berbanding imej visual negatif (2.1). Imej paling ketara adalah nilai estetik (25.3), diikuti tersusun (24.8), menarik (20). Imej negatif pula adalah kurang teduhan dan kawasan hijau. Persepsi 148 orang profesional terhadap identiti bandar Putrajaya menerusi temu bual dalam kadar peratusan menunjukkan, Putrajaya lebih menampilkan imej visual positif (67.8) berbanding imej visual negatif (2.1). Imej paling ketara adalah tersusun (21), diikuti tidak mesra pejalan kaki (19.5) dan pelbagai gaya seni bina (18.2). 19.5 profesional yang menyatakan Putrajaya tidak mesra pejalan kaki adalah disebabkan faktor: papan tanda mengelirukan (9.5), jalan mengelirukan (0.7), kurang ruang awam yang mempunyai pokok buah-buahan yang boleh dimakan, jarak laluan pejalan kaki yang jauh ke kawasan kemudahan awam dan komersil serta kurang kemudahan komersil.

Berdasarkan pilihan responden dan pemerhatian, susun atur bangunan dan ruang awam yang tersusun, kemas dan berciri formal, kebersihan dan kerapian serta reka bentuk bangunan dan landskap merupakan faktor yang memberikan nilai estetik kepada bandar Putrajaya. Ini menunjukkan imej persekitaran Putrajaya yang paling ketara adalah nilai estetik, diikuti tersusun dan menarik. Bagaimanapun ianya tidak mesra pejalan kaki seperti jarak yang jauh dan akses yang sukar ke kawasan kemudahan awam dan komersil. Ini kerana perancangan bandar Putrajaya lebih mementingkan kesan visual berbanding

perempuan (49%). Kategori umur responden paling ramai adalah 24-39 (57%) diikuti 42 ke atas (42.8%). Responden paling ramai berpendidikan ijazah (62%) diikuti Master (20.6%) dan PhD (17.2%). Kebanyakan responden adalah dari agensi swasta (55.7%), diikuti institusi pengajian tinggi (30%) dan pihak berkuasa tempatan (14%). Jawatan yang paling ramai melibatkan diri adalah Arkitek Landskap (32.4%), diikuti Pensyarah (23.6%), Pengarah/Pengurus (15.8%), Arkitek (10.5%), Perancang Bandar (7.9%), Jurutera (3.5%) dan lain-lain. Kebanyakan responden adalah pelawat (38.3%), diikuti pekerja swasta (33.3%), penjawat awam (17.5%), pemilik syarikat (3.3%), penduduk (2.5%) dan lain-lain. Kebanyakan penglibatan responden dengan Putrajaya adalah selama 6-10 tahun (31.7%), diikuti > 15 dari tahun (30.8%), 1-5 tahun (29.2%) dan < dari 1 tahun (8.3%). Ini menunjukkan kebanyakan responden mempunyai hubungan yang rapat dengan Putrajaya.

fungsi. Ia bertentangan dengan prinsip perancangan bandar Islamik yang lebih mementingkan fungsi berbanding rupa bentuk bandar berdasarkan kenyataan (Ahmed, 2014; Omer, 2010; El Diwani, 2005; Saoud, 2004). Menurut kajian (Habibshaikh, 2013; Freely, 2011; El Diwani, 2005; Omer, 2005; Islam, 2004) perancangan bandar Islamik lebih mesra pengguna kerana mengutamakan keselamatan dan keselesaan pejalan kaki. Selain itu, Putrajaya lebih menampilkan ciri bandar moden. Menurut kajian Tibbalds (2006), antara ciri bandar moden adalah kerapian dan lebih mengutamakan laluan kenderaan berbanding keselesaan laluan pejalan kaki. Ini menunjukkan, susun atur bandar memberi kesan yang besar terhadap fungsi bandar berbanding rupa bentuk bandar.

#### Tahap Nilai dan Budaya Islam

Skala penilaian 483 orang awam terhadap imej nilai dan budaya Islam di Putrajaya menerusi soalan tertutup (*close ended*) dalam kadar peratusan menunjukkan, 63.2 responden berpendapat Putrajaya menampilkan imej nilai dan budaya Islam, manakala 6.8 berpendapat tiada nilai dan budaya Islam. Analisis orang awam ini menunjukkan Putrajaya lebih menampilkan nilai dan budaya Islam. Namun pendapat ini tidak bersandarkan reka bentuk bandar Islamik Timur Tengah tetapi bersandarkan nilai estetik yang tinggi, teratur, tenteram dan bersih. Manakala penilaian imej nilai dan budaya Islam yang dikenal pasti dari reka bentuk bandar Putrajaya oleh 94 responden profesional dalam kadar peratusan menunjukkan, Putrajaya lebih menampilkan nilai dan budaya Islam (74.5), diikuti tiada nilai dan budaya Islam (23.4).

Faktor yang mempengaruhi nilai dan budaya Islam berdasarkan pendapat 95 orang profesional menunjukkan, reka bentuk bangunan dan taman Islamik merupakan faktor yang paling menampilkan imej nilai dan budaya Islam (61.3), diikuti konsep perancangan bandar Islamik (9.7), kecantikan (3.2) dan kebersihan (2.2). 21.5 responden pula berpendapat susun atur bandar barat paling mengurangkan nilai dan budaya Islam, diikuti terlalu banyak identiti pada fasad bangunan (2.2). Responden juga memberi contoh susun atur bandar barat tersebut seperti pembangunan kemudahan awamnya tidak seimbang, pemecahan zon yang menyebabkan tiada penyatuan bangunan keagamaan, kawasan pentadbiran, komersial dan kediaman serta tiada privasi. Pendapat orang awam pula adalah kurang reka bentuk berciri Islamik.

Berdasarkan pemerhatian, antara imej yang menampilkan nilai dan budaya Islam di Putrajaya adalah reka bentuk bandarnya yang berciri Islamik

#### Gaya Bangunan dan Ruang Awam Putrajaya

Skala penilaian 482 orang awam terhadap 33 bangunan yang mewakili gaya seni bina di Putrajaya menunjukkan kesemua bangunan menampilkan imej gabungan pelbagai identiti dan kebanyakan bangunan menampilkan imej moden. Skala penilaian gaya bangunan dalam kadar peratusan menunjukkan, bangunan yang paling menampilkan imej moden dan paling kurang ciri Islamik ialah Menara Prisma (95), diikuti Suruhanjaya Tenaga (94.8), Jabatan Peguam Negara (93.9), Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (93.8), Menara KBS (90.9), Menara Ikhlas (89.4), Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (88.8) dan lain-lain. Bangunan yang paling menampilkan imej

Skala penilaian 485 orang awam terhadap gaya reka bentuk bandar Putrajaya yang merangkumi bangunan dan ruang awam menerusi kajian soal selidik dan soalan tertutup dalam kadar peratusan menunjukkan, imej gaya reka bentuk bandar paling menonjol adalah moden (80.4), diikuti pelbagai identiti campuran (74.7), tradisional Timur Tengah (40.2), tradisional barat (28) dan tradisional Melayu (26.5%). Manakala persepsi 94 orang profesional terhadap gaya reka bentuk bandar Putrajaya menerusi temu bual menunjukkan, mereka berpendapat imej gaya reka bentuk bandar paling menonjol adalah tradisional timur tengah (26.5) dan gabungan pelbagai identiti (26.5) diikuti, moden (15.3), Islamik moden (14.3), tradisional Melayu (5), tradisional barat (4) dan lain-lain.

Timur Tengah. Elemen hiasan seni bina Timur Tengah memberikan imej yang jelas sebagai seni bina beridentiti Islamik. Ia menunjukkan, bangunan memberikan imej yang lebih jelas berbanding susun atur dalam menyumbang kepada identiti budaya sesebuah bandar. Menurut Shamsuddin (1997), bangunan merupakan elemen terpenting yang membezakan sesebuah bandar. (Askari & Dola, 2009), juga berpendapat, fasad bangunan memberi kesan kepada imej kawasan. Hasil kajian di Putrajaya ini bertentangan dengan kajian Oktay (2002), di bandar Kyrenia (Girne), yang menyimpulkan bahawa daerah (*district*) dan ruang awam memberi kesan paling ketara terhadap identiti bandar. Selain itu faktor sosial di Putrajaya seperti suasana persekitaran yang tenang dan sunyi, aktiviti budaya Islam seperti perniagaan di bazar Ramadan dan acara berunsur Islamik serta tiada pusat hiburan atau restoran tidak halal mempengaruhi imej tersebut di Putrajaya.

tradisional Timur Tengah adalah Masjid Putra (87.3), diikuti Pejabat Perdana Menteri (78.9), Masjid Mizan (67.8), Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang (58.9), Mahkamah (52.7), JAKIM (51.3), Kementerian Dalam Negeri (KDN) (40.7) dan lain-lain. Bangunan yang paling menampilkan imej tradisional Melayu adalah Istana Melawati (87), diikuti Hotel Pullman (78.3), Mahkamah (76.5), Masjid Putra (63), Wisma Putra (52.5), BHEU (50.2), JAKIM (45) dan lain-lain. Bagaimanapun, menurut pemerhatian, tiada perincian tradisional Melayu diterapkan pada bangunan JAKIM dan BHEU. Bangunan yang paling menampilkan imej tradisional barat adalah Istana Darul Ehsan (74.8), diikuti JAKIM (32.6), Kementerian Dalam Negeri (31.4), Mahkamah (30.3), Jabatan Perdana Menteri (29.6), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (28.4), Kementerian Pengajian Tinggi (28.2) dan lain-lain.

Berdasarkan pilihan responden dan pemerhatian, secara keseluruhannya, gaya yang mendominasi kebanyakan reka bentuk bangunan dan ruang awam di Putrajaya adalah gabungan pelbagai identiti dan imej moden, diikuti tradisional Timur Tengah, tradisional Melayu dan tradisional barat. Namun, gaya moden dan kepelbagaian identiti reka bentuk bandarnya adalah penyatuan yang lemah yang telah mewujudkan kecelaruan identiti dan identiti yang tidak jelas. Ia selaras dengan teori Tran (2010) bahawa percampuran identiti terhadap bangunan bernilai budaya mewujudkan identiti yang lemah, tidak jelas dan mengelirukan. Menurut Lynch (1960), imej yang jelas dan identiti yang tersendiri menyebabkan sebuah bandar mempunyai kualiti fizikal yang kuat. Ini menunjukkan keaslian konsep

dan identiti budaya penting bagi mewujudkan identiti yang unik dan kualiti visual yang kuat. Bagaimanapun, majoriti orang awam dan profesional berpendapat identiti Putrajaya unik dan berbeza disebabkan kepelbagaian identiti.

Pendapat orang awam bahawa terdapatnya perincian tradisional Melayu pada bangunan JAKIM dan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang pula menunjukkan kekeliruan orang awam mentafsirkan identitinya. Ini kerana menurut pemerhatian, tiada ciri tradisional Melayu pada bangunan tersebut. Kebanyakan orang awam beranggapan corak arabesque (corak tumbuhan) pada fasad bangunan tersebut adalah perincian seni bina tradisional Melayu kerana sejak sekian lama corak ini diterapkan pada seni bina tradisional Melayu. Sebaliknya, menurut sejarah seni Islamik, arabesque adalah corak tumbuhan yang dicipta oleh artisan Arab dan merupakan seni bina hiasan Islamik Timur Tengah berdasarkan kajian (Ahmed, 2014; Omer, 2012; Siddiqui, 2010; Burckhardt, 2009; Ali, 2006; El Diwani, 2005; Saoud, 2004; Behrens-Abouseif, 1992).

Bagaimanapun terdapat percanggahan pendapat antara orang awam dan profesional. Majoriti orang awam berpendapat, reka bentuk bandar Putrajaya lebih menonjolkan imej moden manakala majoriti profesional berpendapat ia lebih menonjolkan imej tradisional Timur Tengah. Ini kerana orang awam terutama penduduk Putrajaya lebih biasa dengan suasana persekitaran Putrajaya yang menyebabkan mereka lebih dapat mengenal pasti dengan lebih tepat keseluruhan gaya reka bentuk bandarnya. Manakala profesional yang kebanyakannya merupakan pengunjung menilai berdasarkan imej reka bentuk Islamik yang menonjol pada bangunan ikonik atau mercu tanda seperti Masjid Putra, Masjid Mizan, Mahkamah dan ruang awam Islamik dan elemen ruang awam seperti jambatan, dataran dan taman. Berdasarkan pilihan responden dan pemerhatian, secara keseluruhannya, imej reka bentuk bandar Putrajaya yang melibatkan bangunan dan ruang awam, lebih menampilkan identiti Islamik moden. Bagaimanapun elemen seni bina Islamik kurang diterapkan pada kebanyakan bangunannya.

Integrasi susun atur bandar barat di Putrajaya pula melemahkan imej dan struktur fizikal bandar, mewujudkan ketidak seimbangan akses dan ketidak seimbangan pembangunan kemudahan awam dan komersilnya yang memberi kesan fungsi bandar yang tidak mesra pengguna. Ini menunjukkan, perancangan bandar Putrajaya lebih mementingkan kesan visual berbanding fungsinya. Ia bertentangan dengan prinsip perancangan bandar Islamik yang lebih mementingkan fungsi berbanding rupa bentuk

bandar berdasarkan kenyataan (Ahmed, 2014; Omer, 2010; El Diwani, 2005; Saoud, 2004). Menurut kajian (Habibshaikh, 2013; Freely, 2011; El Diwani, 2005; Omer, 2005; Islam, 2004) perancangan bandar Islamik lebih mesra pengguna kerana mengutamakan keselamatan dan keselesaan pejalan kaki.

Kekurangan reka bentuk bandar berciri Melayu pula menyebabkan Putrajaya tiada identiti budaya tersendiri yang melambangkan identiti negara. Ia selaras dengan kenyataan (Utberta & Rasdi, 2013; Rasdi, 2005; Utberta & Othman, 2012; Kahn et al., 2011; Rasdi & Utberta, 2012) bahawa penerapan identiti nasional penting bagi menghormati dan mengekalkan warisan tamadun bangsa Melayu dengan gaya dan teknologi moden. Bagaimanapun, perbezaan bangsa, agama dan budaya di Malaysia menimbulkan masalah dalam pembentukan identiti nasional (Mursib & Rasdi, 2016).

#### Kejelasan Identiti Reka Bentuk Bandar Putrajaya

Skala penilaian 488 orang awam mengenai kejelasan identiti reka bentuk bandar di Putrajaya dalam kadar peratusan menunjukkan, identiti reka bentuk bandar Putrajaya unik dan berbeza (89.3) diikuti 66% tidak setuju Putrajaya kehilangan identiti. Persepsi 94 orang profesional mengenai kejelasan identiti reka bentuk bandar di Putrajaya menunjukkan identiti Putrajaya unik (75.5), diikuti tidak unik (17%), tidak jelas (7.4%) dan kuat (1%).

Berdasarkan pilihan responden dan pemerhatian, secara keseluruhannya, walaupun identiti Putrajaya dianggap unik dan berbeza, gabungan pelbagai identitinya telah menampilkan identiti yang kurang jelas disamping kekurangan identiti budaya setempat.

#### KESIMPULAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa Putrajaya lebih menerapkan imej seni bina Timur Tengah yang biasanya dianggap Islamik oleh orang awam. Walaubagaimana pun dari segi perancangan bandar, Putrajaya bersifat formal, kebaratan dan tidak/kurang islamik kerana lebih mementingkan penampilan fizikal berbanding fungsi kemanusiaan serta kurang mesra pengguna. Namun, Putrajaya mempunyai keunikan dalam reka bentuk bangunan tetapi kurang identiti seni bina tempatan.

Kajian ini mendedahkan bahawa, pemahaman majoriti masyarakat awam terhadap nilai dan budaya Islam di Putrajaya, kurang bersandarkan kurangnya ciri reka bentuk bandar Islamik Timur Tengah diadaptasi. Sebaliknya mereka berpendapat, nilai dan budaya Islam lebih ditonjolkan daripada persekitaran alam bina dengan nilai estetik yang tinggi, teratur dan bersih selain suasana yang tenteram. Manakala imej moden lebih menonjol pada reka bentuk bandarnya.

Golongan profesional pula lebih meletakkan nilai dan budaya Islam berdasarkan imej reka bentuk bandar yang berciri Islamik Timur Tengah, diikuti suasana yang tenteram dan kehijauan tanaman. Profesional juga peka terhadap susun atur bandar Putrajaya yang mengintegrasikan konsep bandar Islamik dan barat yang telah mewujudkan ketidakseimbangan kemudahan awam di setiap Presintnya. Ia membawa kepada kurangnya mesra pengguna dan pejalan kaki. Selain itu gabungan ini telah mewujudkan kecelaruan identiti pada reka bentuk bangunannya.

Berdasarkan pemerhatian, imej bangunan ikonik dan reka bentuk bandarnya yang berciri Islamik Timur Tengah, suasana yang tenang dan gaya hidup masyarakat yang majoritinya terdiri daripada umat Islam seperti aktiviti agama, budaya dan sosial Islam memberikan kesan besar terhadap imej nilai dan budaya Islam. Penekanan kepada elemen reka bentuk Timur Tengah dan kurangnya penerapan elemen reka bentuk warisan tempatan dalam seni bina di Putrajaya menyebabkannya tiada identiti tersendiri yang membezakannya dari bandar lain. Ciri budaya masyarakat tempatan perlu ditonjolkan dalam reka bentuk bandar bagi melambangkan identiti masyarakat sesebuah bandar selain mewujudkan identiti yang unik.

Ini kerana ciri bandar Islamik menurut perspektif Islam selain menitik beratkan faktor agama, budaya dan sosial, dari segi reka bentuk bandarnya hendaklah menerapkan prinsip pemusatan dan penyatuan yang bertujuan untuk keseimbangan akses dan kemudahan awam serta mengutamakan identiti budaya tempatan. Namun, keaslian seni bina juga perlu dijaga kerana ia bukan sahaja memberikan imej yang jelas, malah kenangan kepada sesebuah bandar dan nilai estetik kepada sesebuah bangunan. Oleh itu, reka bentuk bangunan dan ruang bandar Putrajaya perlu memfokuskan kepada identiti tempatan bagi menghasilkan imej yang jelas dan unik.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa komunikasi antara tiga pihak yang melibatkan pihak berkuasa tempatan, para profesional dan orang awam yang

merupakan penduduk tempatan dan pengunjung amat diperlukan dalam perancangan dan pembuatan keputusan.

Pandangan penduduk tempatan sebagai pengguna penting dalam perancangan dan pelaksanaan demi kesejahteraan awam. Ini kerana penduduk yang akan menentukan identiti budaya yang perlu ditonjolkan dan fungsi yang mesra pengguna. Pelancong juga, disamping mengutamakan fungsi yang mesra pengguna, mereka lebih mengutamakan identiti budaya reka bentuk bandar yang unik, tersendiri dan berbeza dari bandar asal mereka.

Pandangan para profesional pula penting bagi mewujudkan idea yang bersandarkan ilmiah yang memberi manfaat kepada pengguna. Namun, kurangnya pengetahuan para profesional mengenai sejarah dan prinsip reka bentuk bandar Islamik menyebabkan identiti reka bentuk bandar Islamik terjejas selain kurangnya pembangunan reka bentuk bandar Islamik di Malaysia dan di Putrajaya.

#### RUJUKAN

- Abu-Lughod, J. (2013). The Islamic City: Historic Myths, Islamic Essence, and Contemporary Relevance. *The Urban Design Reader*, 13.
- Ahmed, A. S. (2014). The Spiritual Search of Art Over Islamic Architecture with Non-Figurative Representations. *Journal of Islamic Architecture*, 3(1), 1-13.
- Al-Lahham, A. H. E. (2014). Traditionalism or Tradition-Lieism: Authentication or Fabrication? *International Journal of Architectural Research: ArchNet-IJAR*, 8(3), 64-73.
- Al Sayyed, W. (2012). Contemporary Arab Architecture: Space, Form, and Function. *Lonaard Magazine*, 2(7).
- Ali, W. (2006). Beauty and Easthetics in Islam. Essays in Honour of Ekmeleddin Ihsanoglu. Istanbul, IRCICA. pp.299-306. Sumber: [www.muslimheritage.com](http://www.muslimheritage.com)
- Al Kawthari, A.S.M. (2014). Mixed Gatherings: A Detailed Response Regarding Gender Interaction. Sumber: [seekershub.org](http://seekershub.org)
- Askari, A. H., & Dola, K. B. (2009). Influence of Building Facade Visual Elements on its Historical Image: Case of Kuala Lumpur City, Malaysia. *Journal of Design and Built Environment*, 5, 49-59.
- Behrens-Abouseif, D. (1992). Islamic Architecture in Cairo: An Introduction (Vol. 3). Brill.
- Ben-Hamouche, M. (2011). How justice and rights in Islam shape Urbanism. Sumber: [Medianet.http://medinanet.org](http://Medianet.http://medinanet.org)
- Boone Jr, H. N., & Boone, D. A. (2012). Analyzing Likert Data. *Journal of Extension*, 50(2), n2.



- Brunn, S. D., Williams, J. F., & Zeigler, D. J. (2003). *Cities of the world: world regional urban development*. Rowman & Littlefield.
- Burckhardt, T. (2009). *Art of Islam, Language and Meaning*. World Wisdom Inc.
- Clark, E. (2004). *The art of the Islamic garden*. Crowood Press.
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative, And Mixed Methods Approaches*. Fourth Edition. Sage Publications.
- De Vaus, D. (1985). *Surveys in social research*. Routledge.
- Diab, O. (2010). Egypt: We Don't Need No Segregation. *The Guardian Online News*. 19.4.2010. Sumber: www.theguardian.com.
- El Diwani, R. (2005). *Islamic Art*. Lake Superior State University 9.2-6
- El Diwani, R. (2005). *Transcendence in Islamic Art*. Lake Superior State University
- Ewing, R., & Handy, S. (2009). *Measuring the Unmeasurable: Urban Design Qualities Related to Walkability*. *Journal of Urban Design*. 14(1), 65-84.
- Habibshaikh. (2013). *Madinah Has Best Islamic Urban Planning*. Sumber: www.arabnews.com/news/457877
- Freely, J. (2011). *A History of Ottoman Architecture*. Wit Press.
- Isa, N. M. (2011). *Cities Design and Planning with People's Perception Consideration: A Methodology to Elicit the Perceptions of Experts on the Meaning of Islamic Built Environment in Malaysia*. 1-14. *AERUS XII / Madrid 20-22/10/ 2011*
- Ismail, A. S., & Zaharin, E. N. (2017). *Built Form Properties as Sign and Symbols of Patron Political Ideology*. *Jurnal Kejuruteraan*, 29(2), 87-96.
- Ismail, I. S., Shamsuddin, S., & Sulaiman, A. B. (2008). *An Evaluation of Residents Perception of Identity in Putrajaya New Town*. *Jurnal Alam Bina*, 13(4), 38-51.
- Islam, M. Z. (2004). "Is There an Islamic City?". *Protibesh (Environment) Journal*, 9, 27-38.
- Jamalinezhad, M., Talakesh, S. M., & Soltani, S. H. K. (2012). *Islamic Principles and Culture Applied to Improve Life Quality in Islamic Cities*. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 35, 330-334
- Kah, S. M., Shamsuddin, E. E., & Abdullah, N. N. (2011). *Mendepani Seni Warisan dan Kreatif dalam Mencapai Satu Gagasan Melayu di Nusantara*. *Universiti Malaya*.
- Khaled, A. (2012). *University Gender Segregation Move Sparks Controversy*. *University World News*. 21.9.2012. Sumber: www.universityworldnews.com
- Lynch, K. (1960). *The Image of The City* (Vol. 11). MIT press.
- McDaniel, C. A. (2006). *CHAPTER 5: Research Design and Methodology*. *Counterpoints*, 296, 71-93.
- Mohidin, H. H. B., Ismail, A. S., & Abdullah, A. M. (2012). *A Study of Styles Classification and Influences on Administration Building in Malaysia (15th–21st Century)*. *In Seminar of International Convention: Bridging Between Old & New*.
- Mursib, G. & Rasdi, M. T. H. M. (2016). *Regionalisme Dalam Seni Bina Malaysia. Era Moden, Pasca Moden dan Global*. *Dewan Bahasa dan Pustaka*.
- Oktay, D. (2002). *The Quest for Urban Identity in the Changing Context of the City: Northern Cyprus*. *Cities*, 19(4), 261-271.
- Omer, S. (2005). *The Prophet Muhammad (Saw) and Urbanization of Madinah*. *IJUM.KL*
- Omer, S. (2007). *Integrating the Islamic Worldview into the Planning of Neighbourhoods*. *Journal of Construction in Developing Countries*, 12(2).
- Omer, S. (2010). *Conceptualizing Islamic Architecture*. *Al-Shajarah*, 15(2), 199-228.
- Omer, S. (2010). *Some Lessons from Prophet Muhammad (SAW) in Architecture: The Prophet's Mosque in Madinah*. *Intellectual Discourse*, 18(1).
- Omer, S. (2012). *Some Examples of Medieval Muslim Theorizing on Urban Planning and Development*. Sumber: http://medinanet.org
- Omer, S. (2012). *The Concepts of God, Man, and the Environment in Islam: Implications for Islamic Architecture*. *Journal of Islamic Architecture*, 2(1).
- Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. (2003). *Pembinaan Putrajaya, Perspektif Pemaju: 1995 – 2002*. *Putrajaya Holdings Sdn. Bhd.*
- Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. (2001). *Perdana Putra*. *Putrajaya Holdings Sdn. Bhd.*
- Rasdi, M. T. H. M. (2005). *Malaysian Architecture: Crisis Within*. *Utusan Publications*.
- Rasdi, M. T. M., & Utaberta, N. (2012). *The Design of Mosques as Community Development Centers from the Perspective of the Sunna and Wright's Organic Architecture*. *Journal of Islamic Architecture*, 1(1), 1-7.
- Rojak, D., & Cole, L. B. (2016). *Place Attachment and the Historic Brewpub: A Case Study in Greensboro, North Carolina*. *Journal of Interior Design*, 41(1), 33-50.
- Salama, A. M. (2014). *Interrogating the Practice of Image Making in a Budding Context*. *International Journal of*

- Architectural Research: ArchNet-IJAR*, 8(3), 74-94.
- Saoud, R. (2002). Introduction to the Islamic City. *Foundation for Science Technology and Civilization*
- Saoud, R. (2004). Introduction to Muslim Art. *Foundation for Science Technology and Civilization*.
- Shamsuddin, S. (1997). Identity of Place: A Case Study of Kuantan Town Centre, Malaysia (Doctoral Dissertation, University of Nottingham).
- Sidawi, B. (2013). Understanding the Vocabulary of the Islamic Architectural Heritage. *Global Built Environment Review*, 8(2).
- Siddiqui, E. (2010). Islamic Art. Muslim Student Association, Colorado State University.
- Stanley, B. W., Stark, B. L., Johnston, K. L., & Smith, M. E. (2012). Urban Open Spaces in Historical Perspective: A Transdisciplinary Typology and Analysis. *Urban Geography*, 33(8), 1089-1117.
- Stedman, R., Beckley, T., Wallace, S., & Ambard, M. (2004). A picture and 1000 Words: Using Resident-Employed Photography to Understand Attachment to High Amenity Places. *Journal of Leisure Research*, 36(4), 580.
- Tashakkori, A., & Teddlie, C. (Eds.). (2010). Sage Handbook of Mixed Methods in Social & Behavioral Research. *Sage*.
- Tibbalds, F. (2006). Making People Friendly Towns: Improving the Public Environment in Towns and Cities. *Spon Prees*. New York
- Tran, J. (2010). Static Illusion: Architectural Identity, Meaning and History. *Perth: Curtin University*.
- Utaberta, N. & Rasdi, M.T.M. (2013). Pemikiran Seni Bina Islam Moden di Dunia & Malaysia. *Penerbit UTM Press*.
- Utaberta, N. & Othman, H. (2012). Analisis Hadits dalam Permasalahan Perancangan Masjid Modern di Malaysia. *Journal of Islamic Architecture*, 1(3), 107-122
- Venturi, R. & Brown, D.S. (2004). Architecture as Signs and Systems. *Belknap Press*.
- Zen, I. H. (2005). From Laetoli to Putrajaya: Tracking the Footprints of Malaysian Islamic Cultural Landscape. *Conference of Iran and Malaysia Experiences in Islamic (Architecture & Built Environment)*. 1-11.